



PERBADANAN MELAKA

# **GARIS PANDUAN POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAJAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**

**DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH**  
Ketua Menteri Melaka  
Merangkap Pengerusi  
PERBADANAN MELAKA

13 Mei 2025



## KANDUNGAN

| PERKARA |                                                                                                    | MS    |
|---------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 1.      | PENYATAAN POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)               | 1     |
| 2.      | OBJEKTIF POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)                | 1     |
| 3.      | SKOP POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)                    | 1     |
| 4.      | HAD KUASA KELULUSAN PERMOHONAN PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) | 2 - 3 |
| 5.      | CARTA ALIRAN                                                                                       | 4 - 6 |



**POLISI DAN GARIS PANDUAN  
PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)  
PERBADANAN MELAKA**

**1. PENYATAAN POLISI**

- 1.1** Perbadanan Melaka (MCORP) telah mewujudkan Polisi dan Garis Panduan Pemberian Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan untuk memberi panduan dan tatacara kepada kakitangan yang mengurusetia dan pemohon yang berkaitan atau pihak ketiga.

**2. OBJEKTIF POLISI**

- 2.1** Memberi ruang panduan dan tatacara kepada wargakerja yang mengurusetia dan permohonan yang berkaitan atau pihak ketiga dapat dilaksanakan secara lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum dan sasaran.

**3. SKOP POLISI**

- 3.1** Polisi ini terpakai kepada:
- i. Semua wargakerja MCORP, yang merangkumi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa dilantik, Pengurusan MCORP serta Pegawai-Pegawai MCORP;
  - ii. Semua pembekal, kontraktor atau pihak berkepentingan yang sedang atau akan berurusan dengan MCORP;
  - iii. Pelanggan MCORP;
  - iv. Orang Awam;
  - v. Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan;
  - vi. Sekolah, IPTA, IPTS dan lain – lain Institusi Pengajian dan
  - vii. Badan Korporat, Persatuan dan Kelab Sukan.

Untuk mempertimbangkan sebarang permintaan sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) samada dalam bentuk wang, perkhidmatan atau barangan kepada pihak luar yang bertujuan untuk aktiviti atau program seperti berikut:-

- Kebajikan:
- Pembangunan pendidikan dan pembangunan modal insan:
- Penjagaan kesihatan:
- Kesukanan, kesenian dan kebudayaan dan
- Program dan aktiviti yang lain.

MCORP tidak akan mempertimbangkan permintaan sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada:

- Parti politik atau apa – apa pertubuhan yang berkaitan politik kepartian:
- Pertubuhan atau organisasi yang bertujuan jenayah dan keganasan:
- Pertubuhan atau organisasi yang didapati muflis atau disenarai hitam oleh mana – mana Institusi Kewangan dan Bukan Kewangan:
- Pertubuhan atau organisasi yang berasaskan keuntungan:
- Pertubuhan atau organisasi yang berkaitan dengan perjudian, alkohol dan tembakau:
- Permohonan daripada Individu, syarikat, organisasi dan pertubuhan berlandaskan penipuan, penyelewengan dan scam: dan
- Permohonan yang tidak relevan dari semasa ke semasa.

#### **4. HAD KUASA KELULUSAN**

Pemohon yang merupakan daripada Kementerian, Jabatan, Agensi daripada Persekutuan dan Negeri, Pertubuhan, Persatuan, Kelab, Organisasi dan Individu perlu mengemukakan:

- i. Permohonan RM10,000.00 kebawah

##### **Sebelum Program**

- Salinan kad pengenalan (Individu) / Salinan lesen (Berdasar contoh:- Syarikat / Pertubuhan ABCD Sdn Bhd berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):
- Surat Permohonan atau proposal;
- Minit/Resolusi mesyuarat daripada pemohon;
- Borang Permohonan Bantuan Kewangan Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Diisi oleh urusetia MCORP berkaitan);
- Permohonan daripada individu / perseorangan tidak dibenarkan.

##### **Selepas Program**

- Perlu mengemaskini laporan bajet dan kewangan dan diikuti naziran daripada Unit Integriti secara berkala.

ii. Permohonan RM10,000.00 keatas

**Sebelum Program**

- Salinan kad pengenalan (Individu) / Salinan lesen (Berdaftar contoh:- Syarikat / Pertubuhan ABCD Sdn Bhd berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- Surat Permohonan atau proposal;
- Minit/Resolusi mesyuarat daripada pemohon;
- Borang Permohonan Bantuan Kewangan Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Diisi oleh urusetia MCORP berkaitan);

**Semasa Program (Sekiranya Perlu)**

- Jawatankuasa Khas MCORP akan melawat dan membuat laporan lapangan semasa program berikut.

**Selepas Program**

- Menghantar laporan bergambar, resit atau invoice dan dokumen berkaitan.

iii. Permohonan RM50,000.00 keatas

**Sebelum Program**

- Permohonan perlu dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan.
- Salinan kad pengenalan (Individu) / Salinan lesen (Berdaftar contoh:- Syarikat / Pertubuhan ABCD Sdn Bhd berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- Surat Permohonan atau proposal;
- Minit/Resolusi mesyuarat daripada pemohon;
- Borang Permohonan Bantuan Kewangan Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) (Diisi oleh urusetia MCORP berkaitan);

**Semasa Program (Sekiranya Perlu)**

- Jawatankuasa Khas MCORP akan melawat dan membuat laporan lapangan semasa program berikut.


**Selepas Program**

- Menghantar laporan bergambar, resit atau invoice dan dokumen berkaitan.

**CARTA ALIRAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL  
KORPORAT (CSR) (RM10,000.00 KEBAWAH)**



**CARTA ALIRAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL  
KORPORAT (CSR) (RM10,000.00 KEATAS)**



**CARTA ALIRAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL  
KORPORAT (CSR) (RM50,000.00 KEATAS)**



**DISEDIAKAN OLEH;**

**Unit Integriti & Kualiti**  
Perbadanan Melaka  
Aras 4-11, Menara MITC  
Jalan Konvensyen, Kompleks MITC,  
75450 Ayer Keroh, Melaka  
Emel: [integritimcorp@gmail.com](mailto:integritimcorp@gmail.com)

